



PANDUAN PERMOHONAN GERAN KERJASAMA PENYELIDIKAN UUM (1+3)

1. Pemohon tidak mengetahui mana-mana projek penyelidikan yang sedang berjalan dan mestilah warganegara Malaysia.
2. *Proposal* kajian perlu berkaitan dengan *niche area* UUM.
3. Keutamaan diberikan kepada *proposal* yang *value driven* atau yang berpotensi menghasilkan produk inovasi.
4. Tempoh penyelidikan adalah 12 bulan. Tempoh maksimum pelanjutan adalah enam (6) bulan.
5. Peruntukan maksimum bagi penyelidikan Sains dan Teknologi (S&T) adalah sebanyak RM20,000. Manakala bagi penyelidikan Sains Sosial (Non S&T) adalah sebanyak RM10,000.
6. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Geran Kerjasama Penyelidikan UUM (1+3) seperti di [Lampiran 1\(a\)](#).
7. *Proposal* penyelidikan perlu dibentang dan diperaku oleh dua (2) orang panel penilai yang dilantik oleh Dekan Pusat Pengajian (PP)/Pengarah *Center of Excellence* (CoE)/Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum diserahkan kepada pihak RIMC untuk dinilai oleh Jawatankuasa Khas yang dilantik dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat JKPI untuk kelulusan. Borang penilaian adalah seperti di [Lampiran 1\(b\)](#).
8. Pemantauan penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab PP/CoE/PTJ dan laporan dikemukakan kepada pihak RIMC setiap enam (6) bulan melalui Dekan PP/Pengarah CoE/Ketua PTJ.
9. Semua penyelidikan mesti mengikut Panduan Penyelidikan Universiti dan Peraturan Kewangan Universiti
10. Syarat tamat penyelidikan adalah seperti berikut :
 - i) Menerbitkan satu artikel dalam jurnal berindeks Scopus/WoS ATAU
 - ii) Menerbitkan dua artikel dalam mana-mana jurnal terbitan UUM Press DAN
 - iii) Mengemukakan Borang Perakuan Tamat Penyelidikan dengan lengkap ke RIMC untuk kelulusan Mesyuarat JKPI.